



IDEALOGY

JOURNAL



IDEALOGY JOURNAL

Volume 5, Issue 1, 2020

Published: 9 April 2020

Published by:
©UiTM Press

e-ISSN 2550-214X

**MUHAMAD ABDUL AZIZ AB GANI, ISHAK RAMLI
MOHAMMAD HAFIZ YAHAYA, NURUL SHIMA TAHARUDDIN
HASLINDA MD NAZRI, MUHAMMAD REDZA ROSMAN
NIZAR NAZRIN**

INTRODUCTION

Idealogy Journal is a biannual journal, published by UiTM Press, Universiti Teknologi MARA, MALAYSIA.

IDEALOGY is a combination of the words IDEA and LOGY whereby the word IDEA refers to any activity or action that can lead to change. On the other hand, the word LOGY refers to the understanding towards a certain group or thought, that is often related to the creation of the idea itself. So, IDEALOGY is a platform for those who have ideas to share in journal form. The IDEALOGY Journal is spearheaded by the Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA (Perak), however the scope and theme applied were broadened to cover Arts & Social Science.

This journal is purely academic and peer reviewed (double-blind review) platform. It caters to original articles, review paper, artwork review and appreciation, exhibition review and appreciation, and book reviews on diverse topics relating to arts, design, and social science. This journal is intended to provide an avenue for researchers and academics from all persuasions and traditions to share and discuss differing views, new ideas, theories, research outcomes, and socio-cultural and socio-political issues that impact on the philosophical growth in the contemporary events.

VISION

To elevate the standard of Academic writing, especially for ASEAN countries to be recognized in the eyes of the world

MISSION

- To produce academia with world recognized writing quality
- To combine with selected ASEAN countries in producing academic articles

PUBLICATION HISTORY

Known as **Idealogy Journal** that published various field of studies as an academic article since 2016.

PUBLICATION FREQUENCY

Biannual Frequency: Two (2) issues per year (April and September)

e-ISSN 2550-214X

EDITORIAL BOARD

Journal Advisor

Professor Sr Dr Md Yusof Hamid *AMP*
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Chief Editor

Associate Professor Dr Muhamad Abdul Aziz Ab Gani
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Ishak Ramli
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Managing Editor

Mohamad Hafiz Yahaya
(Universiti Teknologi MARA,
Perak Branch, Malaysia)
Muhammad Redza Rosman
(Universiti Teknologi MARA,
Perak Branch, Malaysia)
Nurul Shima Taharudin
(Universiti Teknologi MARA,
Perak Branch, Malaysia)

Section Editor

Haslinda Md Nazri (Secretary)
(Universiti Teknologi MARA,
Perak Branch, Malaysia)
Nizar Nazrin (Promotion)
(Universiti Teknologi MARA,
Perak Branch, Malaysia)

Panel Editor

Dr Asyiek Desa
(Universiti Sains Malaysia)
Dr Muhamad Firdaus Ramli
(Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia)
Dr Yuhanis Ibrahim
(Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia)
Dr Saiful Akram Che Cob
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Associate Professor Dr Nur Hisham Ibrahim
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Editorial Advisory Board

Associate Professor Dr Sophiya Umar
(Bahauddin Zakariya University, Pakistan)
Assistant Prof. Dr. Abdul Jalil Nars Hazaea
(Effat University, Saudi Arabia)
Dr Sheikh Mehedi
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University,
Bangladesh)
Professor Dr Anis Sujana
(Institut Seni Budaya, Indonesia)
Professor Masahiro Suda
(Nagoya University of Art, Japan)
Jeconiah Louis Dreisbach
(De La Salle University, Philippine)

PANEL OF REVIEWERS

MALAYSIA

Associate Professor Dr Nur Hisham Ibrahim
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Associate Professor Dr Rusmadiyah Anwar
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Associate Professor Dr Azhar Jamil
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Mohd Khairi Baharom
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Nagib Padil
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Hanafi Hj Mohd Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Shahrel Nizar Baharom
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Azian Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Aznan Omar
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Hamidi Abdul Hadi
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Zainuddin Md Nor
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Verly Veto Vermol
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Zahirah Haron
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Saiful Akram Che Cob
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Ishak Ramli
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Nizar Nazrin
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Nurul Shima Taharuddin
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

INDONESIA

Prof. Dr Anis Sujana
(Institut Seni Budaya Indonesia)

Dr Andang Iskandar
(Institut Seni Budaya Indonesia)

Dr Husein Hendriyana
(Institut Seni Budaya Indonesia)

Dr Supriatna
(Institut Seni Budaya Indonesia)

Dr Pandu Purwandaru
(Universitas 11 Maret, Indonesia)

Dr M. Zaini Alif

(Institut Seni Budaya Indonesia)

Drs Deden Maulana, M.Ds
(Institut Seni Budaya Indonesia)

Toufiq Panji Wisesa, S.Ds., M.Sn
(Institut Seni Budaya Indonesia)

Drs Syaiful Halim., M.I.Kom
(Institut Seni Budaya Indonesia)

Ratno Suprpto., M.Ds
(Institut Seni Budaya Indonesia)

SAUDI ARABIA

Assistant Prof. Dr. Abdul Jalil Nars Hazaea
(Effat University, Saudi Arabia)

Assistant Prof. Dr. Mueen Uddin
(Effat University, Saudi Arabia)

Assistant Prof. Dr. Shajid Khalifa
(Effat University, Saudi Arabia)

BANGLADESH

Mr Al-Monjur Elahi
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University,
Bangladesh)

Dr Sidhartha Dey
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University,
Bangladesh)

Dr Sheikh Mehedi
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University,
Bangladesh)

PAKISTAN

Associate Professor Dr Sophiya Umar
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

Masood Akhtar
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

Shah Zaib Raza
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

JAPAN

Professor Masahiro Suda
(Nagoya University of Art, Japan)

Ko Yamada
(Nagoya University of Art, Japan)

PHILIPPINES

Jeconiah Louis Dreisbach
(De La Salle University, Philippine)

COPYRIGHT NOTICE

UiTM Press (The Publisher) has agreed to publish the undersigned author's paper in Idealogy Journal. The agreement is contingent upon the fulfilment of a number of requirements listed below.

1. The undersigned author warrants that the paper entitled below is original, that it is not in any way libellous or unlawful in Malaysia, that it does not infringe any copyright or other proprietary right. The undersigned hereby represents and warrants that he/she is the author of the paper, except for material that is clearly identified as to its original source, with permission notices from the copyright owners where required. The undersigned represents that he/she has the power and authority to sign and execute this agreement.
2. The undersigned author warrants that the paper entitled below has not been published elsewhere, and also it will not be submitted anywhere else for publication prior to acceptance/rejection by this journal.
3. By submitting the paper entitled below, the undersigned author agrees to transfer the rights to publish and distribute the paper in an international e-journal (entitled above) to publisher.
4. The undersigned author agrees to make a reasonable effort to conform to publisher's submission guidelines and to liaise with the editor to ensure that the requirements of these guidelines are met to a reasonable degree.
5. The corresponding author signs for and accepts responsibility for releasing this material on behalf of any and all coauthors. This agreement is to be signed by at least one of the authors who has obtained the assent of the co-author(s) where applicable. After submission of this agreement signed by the corresponding author, changes of authorship or in the order of the authors listed will not be accepted.

COMMITTEE ON PUBLICATION ETHICS

This journal followed to the principles of The Committee On Publication Ethics (COPE)
www.publicationethics.org

TABLE OF CONTENTS

EDITORIAL	
Introduction	ii
Editorial Board	iv
Panel of Reviewer	v
Editorial Preface <i>Muhamad Abdul Aziz Ab Gani, Ishak Ramli</i>	1
Editorial Foreword <i>Muhamad Abdul Aziz Ab Gani, Ishak Ramli, Mohammad Hafiz Yahaya, Nurul Shima Taharuddin, Haslinda Md Nazri, Muhammad Redza Rosman, Nizar Nazrin</i>	2
ORIGINAL ARTICLE	
Thematic Analysis of Self-Experience, Cultural Expression and Islamic Expression on Haron Mokhtar's Series of Paintings <i>Alif Haiqal Musa, May Tasneem Nor Adzaman</i>	3-17
The 'Kelingai Motif' in Iban's Tattoo Motif; A Case Study of Kampung Gayau Ulu Pantu, Sri Aman Sarawak <i>Gladys Tagie, Nurul Shima Taharuddin, Noor Aileen Ibrahim</i>	8-16
Adaptation of Malay Folklore Tales (Si Luncai) in Printmaking <i>Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan</i> <i>Hazrul Mazran Rusli, Abdul Aziz Zali @ Zalay</i>	17-29
Integration between Art and Science: An Art Appreciation of Nyawa Light Exhibition <i>May Tasneem Nor Adzaman, Mumtaz Mokhtar, Alif Haiqal Musa</i>	30-41
Characteristic and Categorization of Monoprint's Among Local Artists in Malaysia <i>Muhammad Abdullah, Mohd Firdaus Naif Omran Zailuddin, Ahmad Khairul Azizi Ahmad, Mohd Nasiruddin Abdul Aziz, Ashraf Abdul Rahaman</i>	42-54
Conflicts Of Characters And The Characterization In Saladin The Animated Series: Analysis Of Intertextuality <i>Konflik Watak Dan Perwatakan Dalam Saladin The Animated Series: Analisis Intertekstualiti</i> <i>Izra Inna Md Idris, Mohamad Saleeh Rahamad @ Ahamad, Md Azalan Shah Md Syed</i>	55-73
Democratic Education in Pondok Educational System: Practice and Implementation	74-85

Demokrasi Pendidikan Dalam Sistem Pengajian Di Institusi Pondok: Pelaksanaan Dan Amalan

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Huzaimah Ismail, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, Abd.Munir Mohd Noh, Paiz Hassan, Ahmad Bakhtiar Jelani, Mohd Anuar Ramli

Students' Understanding of Shia Doctrine: A Study in Selected Religious School in Selangor 86-91

Kefahaman Pelajar Sekolah Agama Terpilih Di Selangor Terhadap Doktrin Syiah

Mukhamad Khafiz Abdul Basir, Suhaila Sharil, Muhd Imran Abd Razak, Ahmad Firdaus Mohd Noor, Mohd Farhan Abd Rahman, Nurul Khairiah Khalid

The Narration Of Keris As A Subject Of Malay Culture Figurative In Rahim Razali's Films 92-102

Pencitraan Keris Sebagai Kiasan Keindahan Budaya Melayu Dalam Filem Rahim Razali

Siti Normala Hamzah, Mohamad Saleeh Rahamad @ Ahamad, Md Azalan Shah Md Syed

Museum and the Agenda of Counter Islamophobia: An Analysis 103-118

Muzium Dan Agenda Counter Islamophobia: Satu Analisis

Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Ahnaf Wafi Alias, Mohamed Yusuf Ahmad Adam Broughton

The Jewelry Design From Natural Environment Based On Tropical Nature Of Indonesia 119-129

Desain Perhiasan Dari Lingkungan Alam Berdasarkan Alam Tropis Indonesia

Donna Angelina

REVIEW ARTICLE

Biomimicry in Creative Contemporary Art Making Process 130-133

Hilal Mazlan

Typography as a Learning Aid to Recognize Color for Children with Color Blindness 134-139

Bantuan Pembelajaran Mengenal Warna Menggunakan Tipografi Bagi Kanak-Kanak Rabun Warna

Intan Nur Firdaus Muhammad Fuad, Khairul Nizan Mohd Aris, Mohd Salleh Abdul Wahab

The Influence of Hinduism in the Life of Malay Community: Analysis of R.O Winstedt's Views 140-148

Pengaruh Hinduisme dalam Kehidupan Masyarakat Melayu: Rujukan Khusus Karya Pilihan R.O Winstedt

Mohd Farhan Abd Rahman, Muhd Imran Abd Razak, Ahmad Firdaus Mohd Noor, Mukhamad Khafiz Abdul Basir, Nurul Khairiah

Khalid

Challenges of Implementing E-Learning in Art History faced by Instructors and Learners in Faculty of Art and Design, UiTM Perak 149-154

Nizar bin Nazrin, Farah Merican binti Isahak Merican, Syafiq bin Abdul Samat

Cultural Elements in Malaysian Paintings: A Survey 155-162

Elemen Budaya Dalam Karya Seni Catan Malaysia: Satu Tinjauan

Siti Humaini Bt Said Ahmad @ Syed Ahmad

LETTER

The Benefit Of 3-Dimensional Printing As An Effort To Preserve Pottery Arts 163-177

Pemanfaatan Teknologi Cetak 3-Dimensi Sebagai Upaya Pelestarian Gerabah Bentanga

Taufik Panji Wisesa

Cultural Elements in Malaysian Paintings: A Survey

Elemen Budaya Dalam Karya Seni Catan Malaysia: Satu Tinjauan

Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad
Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, 32610
Seri Iskandar, Perak, Malaysia
huemaini@gmail.com

Published: 9 April 2020

ABSTRACT

This article aims to produce an overview of the cultural elements adapted in paintings from 1940s to 2018. The survey is conducted in the form of a timeline chronology by identifying the elements of local culture and values before the National Cultural Congress in 1971. This survey explored how the National Cultural Congress has made a tangible impact to the awareness of artists and the form of work produced. This survey also concludes that the elements of local culture and values are found instilled and will remain be the themes in the production of paintings in the future.

Keywords: Cultural elements, paintings, local values.

ABSTRAK

Penulisan ini adalah untuk menghasilkan satu tinjauan terhadap adaptasi elemen budaya dalam karya seni catan bermula dari tahun 1940an sehingga tahun 2018. Tinjauan dibuat dalam bentuk kronologi tahun dengan mengenalpasti elemen-elemen yang budaya dan nilai-nilai tempatan sebelum Dasar Kongres Kebudayaan (DKK) 1971. Selepas DKK, tinjauan mengupas kesan daripada DKK terhadap kesedaran pelukis dan bentuk karya yang dihasilkan. Tinjauan ini membuat kesimpulan bahawa elemen budaya dan nilai-nilai tempatan masih dan akan terus menjadi tema dalam penghasilan karya catan untuk masa akan datang.

Kata kunci: Elemen budaya, karya catan, nilai-nilai tempatan.

eISSN: 2550-214X © 2020. The Authors. Published for Idealogy Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

1. PENGENALAN

Kebudayaan Melayu adalah meliputi apa sahaja yang terdapat dalam masyarakat sama ada dalam bentuk pemikiran, alatan dan pengucapan (Wan Abdul Kadir Yusof dan Zainal Abidin Borhan, 2006). A. Aziz Deraman (2001) menggariskan kebudayaan dalam empat bidang utama iaitu pemikiran (idea), kebendaan, kesenian dan, nilai dan norma. Dalam bidang pemikiran, ia meliputi ilmu pengetahuan, bahasa, falsafah, persuratan, mitos, lagenda, kesusasteraan, kepercayaan dan cerita-cerita lisan. Dalam bidang kebendaan pula, ia melibatkan senibina, bangunan, alat-alat mesin, pakaian, makanan, ubat- ubatan dan perabot. Bidang Kesenian pula dilihat dari dua bidang kemahiran seni iaitu seni persembahan seperti seni lakon, teater, tarian, muzik dan nyanyian. Manakala bidang seni tampak seperti ukiran, lukisan, seni pahat, tenunan,

tekad dan anyaman. Bidang yang terakhir iaitu nilai dan norma melibatkan peraturan-peraturan, undang-undang, adat resam, gaya dan perlakuan, pantang larang, upacara dan nilai-nilai keagamaan dan bersopan santun.


Elemen budaya dan masyarakat tempatan telah lama menjadi tema dalam karya seni rupa di Malaysia. Elemen-elemen seperti senibina, kostum dan tekstil, bahasa dan penulisan, motif melayu, peralatan, permainan, cerita-cerita rakyat, pengangkutan tradisional masyarakat melayu, makanan, persembahan teater, seni mempertahankan diri malah ekonomi masyarakat melayu adalah antara yang menjadi pilihan para pelukis untuk digarapkan dalam karya-karya mereka (Arkib Negara Malaysia, 2006). Cara penyampaian elemen-elemen ini dalam karya dapat dikesan secara langsung manakala sesetengahnya pula memerlukan interpretasi dan analisis.

2. KARYA-KARYA AWAL YANG BERTEMAKAN BUDAYA DALAM SENI CATAN MODEN MALAYSIA

Antara karya-karya catan yang popular yang boleh dikenalpasti yang menengahkan elemen budaya dan masyarakat tempatan adalah dari seawal tahun 40an iaitu antaranya ialah *Drying Nets* (1940) oleh Yong Mun Sen, *Coconut Plantation Dawn* (1948) oleh Abdullah Ariff dan *Menanti Nelayan* (1961) oleh Mazli Mat Som (Muliyadi Mahamood, 2001). Ketiga-ketiga karya ini merakam aktiviti ekonomi tradisi masyarakat pada ketika itu. Karya Yong Mun Sen dan Mazli Mat Som menggambarkan aktiviti nelayan dan penangkapan ikan yang menjadi sumber dan punca rezeki. Manakala karya Abdullah Ariff pula menggambarkan aktiviti ekonomi yang lebih bercorak industri iaitu perladangan.



Rajah 1: *Drying Nets* (1940)
oleh Yong Mun Sen



Rajah 2: *Menanti Nelayan* (1961)
oleh Mazli Mat Som

Elemen permainan pula boleh dilihat dalam karya *Paper Boats* (1964) oleh Dzulkifli Buyong. Karya beliau merakam permainan kapal kertas oleh kanak-kanak yang kebiasaannya dimainkan di anak sungai atau parit.

Karya yang dihasilkan oleh Nik Zainal Abidin yang bertajuk *Wayang Kulit Kelantan* (1961) merupakan karya catan yang membawa elemen persembahan teater. Ia merakamkan watak-watak cerita antaranya Hanuman, Laksamana, Pak Dogol dan Wak Long. Persembahan wayang kulit merupakan satu bentuk hiburan yang sangat popular di negeri Kelantan pada masa dahulu.



Rajah 3: Wayang Kulit Kelantan (1961) oleh Nik Zainal Abidin

Seni mempertahankan diri juga turut menjadi elemen budaya dan masyarakat tempatan yang diketengahkan dalam karya-karya awal seni catan Malaysia. Ini dapat dikesan dalam karya yang dihasilkan oleh Ismail Mustam yang bertajuk *Hang Tuah dan Hang Jebat* (1961). Disamping memaparkan seni mempertahankan diri iaitu silat, karya ini juga diinspirasi daripada lagenda cerita melayu iaitu pertarungan silat diantara Hang Tuah dan Hang Jebat.



Rajah 4: Hang Tuah dan Hang Jebat (1961) oleh Ismail Mustam

3. PERKEMBANGAN TEMA BUDAYA DALAM KARYA CATAN SELEPAS DASAR KONGRES KEBUDAYAAN (DKK)


Bertitik tolak daripada Dasar Kongres Kebudayaan (DKK) yang berlangsung pada tahun 1971, kefahaman dan keterujaan para pelukis untuk menghasilkan karya-karya yang

berelemenkan budaya semakin bertambah. Tiga prinsip telah digariskan hasil daripada Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 ialah pertama, kebudayaan kebangsaan Malaysia haruslah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau. Prinsip kedua ialah unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur-unsur kebudayaan kebangsaan, manakala prinsip ketiga pula ialah Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan Kebangsaan.

Prinsip-prinsip ini telah menjadi satu pemangkin kepada pengkarya seni catan di Malaysia untuk terus menghasilkan karya yang mencerminkan budaya, amalan dan nilai-nilai tempatan. Pelukis-pelukis seperti Syed Ahmad Jamal, Ahmad Khalid Yusuf, Amron Omar, Siti Zainon Ismail, Fatimah Chik, Raja Shariman, Sulaiman Esa, Ruzaika Omar Bassaree, Mad Anuar Ismail, Ilse Noor, Ponirin Amin dan Syed Thajudeen merupakan antara pelukis-pelukis yang menerokai khazanah budaya Melayu dan membawa tema ini dalam karya masing-masing melalui pendekatan dan gaya yang tersendiri (Redza Piyadasa, 2000).

Syed Ahmad Jamal merupakan pelukis yang banyak menghasilkan karya-karya yang berunsur budaya dan nilai-nilai tempatan. Gaya ekspresionisme dan abstrak- ekspresionisme boleh dikatakan sinonim dalam karya-karya beliau yang mana pendekatan ini membawa satu kelainan jika dibandingkan dengan peluki-pelukis lain (Mulyadi Mahamood, 2001). Syed Ahmad Jamal bukan sahaja seorang pelukis malah beliau juga seorang pengkaji budaya yang berusaha memertabatkan budaya Melayu dan seni (Mohamed Ali Abdul Rahman, 1993).


Antara karya-karya popular beliau yang memaparkan elemen-elemen budaya dan nilai-nilai tempatan adalah Sirih Pinang (1978), Gunung Ledang/Tanjung Kupang (1978), Tumpal (1975), Mandi Laut (1957), Joget (1957) dan Chairil Anuar (1959).



Rajah 5: Gunung Ledang (1978) oleh Syed Ahmad Jamal


Kesan daripada Kongres Kebudayaan Kebangsaan juga telah menyuntik karya yang berunsurkan seni Islam. Karya Sulaiman Esa bertajuk Nurani (1983) memaparkan corak arabes iaitu unsur kesenian seni Islam yang mana berdasarkan pengulangan corak-corak bentuk geometri. Siti Zainon Ismail pula telah menggunakan elemen tulisan kaligrafi dalam karyanya yang bertajuk Kaligrafi kubah (1991). Dalam karya Ahmad Khalid Yusof yang bertajuk Alif, Ba, Ta (1971), beliau telah menggunakan elemen budaya Melayu iaitu seni khat atau tulisan

Jawi. Seni kaligrafi Melayu yang menggunakan tulisan jawi- Arab terbukti dengan melihat pada Batu Bersurat Terengganu (Nor Azlin Hamidon, 2002).




Rajah 6: Alif, Ba, Ta (1971) oleh Ahmad Khalid Yusof

Penggunaan motif batik dalam karya adalah salah satu lagi elemen budaya dan nilai-nilai tempatan yang sering diadaptasikan dalam karya-karya catan. Motif batik ini dapat dilihat dalam karya *Intruder* (1987) oleh Hashim Hassan. Motif batik yang dikenalpasti dalam karya ini adalah motif pucuk rebung, motif burung batik dan motif flora. Khalil Ibrahim juga memaparkan elemen batik dengan menghasilkan karya lukisan batik yang bertajuk *Pantai Timur* (1978). Begitu juga karya oleh Fatimah Chik yang bertajuk *The Golden Angle* (1982) yang mana menggunakan sepenuhnya teknik lukisan batik. Karya mastura Abdul Rahman yang bertajuk *Interior No. 29* (1987) juga memaparkan keindahan motif batik yang memenuhi ruang dalaman rumah Melayu. Motif songket pula dapat dilihat dalam karya Ismail zain yang bertajuk *Ku Bunuh Cintaku* (1972).



Rajah 7: Pantai Timur (1978) oleh Khalil Ibrahim

Elemen makanan tradisi pula dipaparkan oleh Din Omar dalam karya yang bertajuk Antara Dua Hidangan (1992). Hidangan tradisi masyarakat Melayu yang digambarkan adalah nasi bungkus berserta gambaran hidangan cara budaya Melayu membasuh tangan dengan menggunakan penyiram air serta duduk bersila di atas tikar.




Rajah 8: Antara Dua Hidangan (1992) oleh Din Omar

Ruzaika Omar Bassaree pula menjadikan bahagian tingkap rumah tradisional Melayu Terengganu yang kaya dengan keindahan seni ukiran yang halus dalam karya yang bertajuk Dungun Series (1981). Antara motif seni ukiran tersebut adalah motif flora dan motif bunga pecah cengkih yang menghiasi bahagian atas dan bawah kepala tingkap.



Rajah 9: Dungun Series (1981) oleh Ruzaika Omar Bassaree

Seni bina rumah tradisional Melayu telah menjadi subjek dalam karya Haron Mokhtar yang bertajuk Pesta Melayu pada tahun 1994. Haron Mokhtar merupakan salah seorang pelukis yang sehingga ke hari ini masih membawa elemen budaya dan nilai-nilai tempatan. Dalam karya-karya beliau mengadaptasikan kedudukan dan komposisi karya berdasarkan kajian lukisan Parsi.



Rajah 10: Pesta Melayu (1994) Haron Mokhtar

Dalam karya- karyanya boleh dilihat imej bangunan diletak dibahagian atas dan aktiviti masyarakat dibahagian bawah (Siti Humaini Syed Ahmad, 2015). Antara karya-karya beliau yang popular adalah seperti Siri Kaseh Sayang Galeri Shah Alam (1995), Siri Atas Bawah Pusaka, Pelita Hati Bangsar Kuala Lumpur (2005), In Pursuit of Penang, The Artist Space, Hotel Concord Shah Alam (1999) dan Pameran Terbuka BSLN. Terkini, beliau telah mengadakan pameran solo iaitu 'Haron Mokhtar: Kapsul Masa 1988-2018 (Siri Perakam Waktu). Haron Mokhtar telah mula berkarya sejak pertengahan tahun 1980 dan merupakan seorang pelukis yang konsisten dalam mengangkat Dasar kebudayaan Kebangsaan (DKK) 1971 yang membawa prinsip iaitu hala tuju seni yang berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini (Faizal Sidik, 2018).

4. KESIMPULAN

Berdasarkan tinjauan yang telah dibuat, dapat disimpulkan bahawa elemen budaya dan nilai-nilai tempatan masih menjadi satu tema yang konsisten dan tidak lapok dalam penghasilan karya oleh pelukis- pelukis tanahair. Elemen seperti ekonomi masyarakatdahulu dapat dilihat dalam karya catan oleh Yong Mun Sen, Abdullah Ariff dan Mazli Mat Som. Elemen permainan dan teater dapat dilihat dalam karya catan oleh Dzulkifli Buyong dan Nik Zainal Abidin. Elemen seni mempertahankan diri dapat dilihat dalam karya catan oleh Ismail Mustam. Selepas DKK, pelukis-pelukis tanahair terus menggunakan tema budaya dan nilai-nilai tempatan dalam karya mereka. Elemen senibina, cerita-cerita rakyat, motif, tulisan jawi dan kaligrafi, ukiran kayu, kostum dan tekstil telah diteruskan oleh pelukis-pelukis seperti Syed

Ahmad Jamal, Ruzaika Omar Bassaree, Siti Zainon Ismail, Ahmad Khalid Yusof, Din Omar, Haron Mokhtar dan ramai lagi.

Kesedaran yang wujud dalam diri pelukis untuk terus menghasilkan karya-karya yang bercorak budaya dan nilai-nilai tempatan akan diteruskan jika diambilkira komitmen yang ditunjukkan oleh pelukis seperti Haron Mokhtar.

REFERENCES

- A.Aziz Deraman, (2002). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arkib Negara Malaysia, (2006). *Panduan Sumber-sumber Bahan Mengenai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Faizal Sidik (2018). Haron Mokhtar: Kapsul Masa 1988 – 2018 (Siri Perakam Waktu). Retrieved February 25, 2020 from faizalsidik.blogspot.com/2018/08/haron-mokhtar-kapsul-masa-1988-2018.html?m=1
- Katalog Pameran (1994). *Wawasan Dan Idea: Melihat Semula Seni Lukis Moden Malaysia, 12 Oktober – 12 Disember 1994*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Mohamed Ali Abdul Rahman (1993). *Katalog Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Muliyadi Mahamood, (2001). *Seni Lukis Moden Malaysia: Era Perintis Hingga Era Pluralis 1930- 1990*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Redza Piyadasa, (2000). *Rupa Malaysia: Meninjau Seni Lukis Moden Malaysia*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Siti Humaini Syed Ahmad (2015). *Thesis: The Value and elements of Malay Culture as Content in Modern Malaysian Painting*. Selangor: UiTM
- Syed Ahmad Jamal (1999). *Kunang-Kunang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir Yusoff, (1992). *Kertas Isu ISIS: Pengajian Melayu Dalam Konteks Pengajian Tentang Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia.